

# Polisas jadi tuan rumah FIRA 2016

**KUANTAN 31 Mei** - Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) di sini menjadi tuan rumah penganjuran 9th Federation of International Robot Soccer Association Malaysia Cup 2016 (FIRA 2016).

Pengarah Program FIRA 2016, Norzelan Saleh berkata, acara tahunan yang dianjurkan Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP), Kementerian Pendidikan Tinggi itu bermula Ahad lalu dan akan berakhir Jumaat ini.

Beliau yang juga Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik Polisas berkata, pertandingan itu akan diadakan di Dewan Sri Mahkota di politeknik berkenaan.

"Sebanyak 93 pasukan daripada 24 buah institusi pengajian tinggi (IPT) mengesahkan penyertaan termasuk 21 buah politeknik dari seluruh negara selain penyertaan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem).

"Penyertaan kali ini menunjukkan pertambahan berbanding penganjuran edisi kelapan tahun 2015 di Politeknik Ungku Omar, Perak," katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Norzelan berkata, politeknik mempunyai kursus Kejuruteraan Elektrik yang mana para pelajar



**SEBAHAGIAN** daripada pelajar yang terlibat dalam pertandingan robot sempena FIRA 2016 di Polisas, Kuantan, Pahang, semalam.

mempelajari 'Embedded Robotic'.

Justeru katanya, pertandingan FIRA diadakan bertujuan mengaplikasikan apa yang dipelajari secara teori di kelas ke dalam bentuk praktikal.

"Pertandingan ini juga bertujuan menggalakkan perkongsian pengetahuan serta pemindahan

teknologi terkini melalui pertandingan robot FIRA," katanya.

Beliau berkata, penganjuran kali ini menyaksikan enam kategori dan 20 bidang subkategori akan dipertandingkan di politeknik berkenaan.

Katanya, Polisas mengalu-alukan kehadiran masyarakat setem-

pat khususnya mereka yang tinggal di sekitar daerah ini.

"Ibu bapa boleh membawa anak-anak mengisi masa lapang sempena cuti sekolah dan meninjau bidang robotik dengan lebih dekat lagi melalui kemahiran, aplikasi, teknologi dan kehebatan robot-robot yang dipertandingkan," katanya.